

Persiapan sambutan Perayaan Ulang Tahun BN ikut jadual

UM 8 SEP 2003

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Persiapan sempena sambutan Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka, Sabtu ini berjalan mengikut jadual.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Persiapan dan Teknikal, Senator Datuk Yaakob Mohammad berkata, pembinaan pentas bagi menempatkan kira-kira 1,000 pemimpin BN telah 60 peratus siap.

“Semua peralatan juga telah berada di Stadium Merdeka dan kita menjangkakan semuanya akan siap sebelum hari Sabtu ini,” katanya pada sidang akhbar selepas

meninjau persiapan di Stadium Merdeka di sini, hari ini.

Beliau berkata, perhimpunan bertema-kan *Kongsi Kuasa Kecemerlangan Malaysia* itu akan bermula pukul 3 petang dengan acara perarakan mengelilingi stadium.

Pada acara itu, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama isteri, Datin Seri Endon Mahmood akan diarak menaiki kenderaan khas.

Perarakan tersebut akan didahului oleh 14 pembawa bendera yang mewakili parti-parti komponen BN.

Selepas itu, majlis akan diteruskan dengan upacara menaikkan bendera dengan diiringi lagu rasmi BN.

Dr. Mahathir dengan diiringi Abdullah kemudiannya akan memeriksa perbarisan kontinjen BN seramai 1,400 peserta daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita BN.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan doa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hamid Zainal Abidin dan bacaan ikrar oleh kontinjen BN.